



WADAH

MAIPK



مجلس ائمۃ اسلام
دان عادت ملايو في راک



**35,695 ASNAF
TERIMA BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI MAIPK
RM10.7 JUTA**



**MAJLIS SERAHAN
RUMAH PROGRAM MYHAUS
MAIPK-JAWHAR-TNB**

**200 PELAJAR ASNAF
SERTAI PROGRAM MOTIVASI
DAN BENGKEL TEKNIK
MENJAWAB PEPERIKSAAN SPM**



35,695 ASNAF
TERIMA BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI MAIPK
RM10.7 JUTA



IPOH, 7 April 2023 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan sumbangan bantuan Hari Raya Aidilfitri oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) tahun 1444 / 2023 sempena majlis sambutan Nuzul al-Quran negeri Perak serta majlis perasmian Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Jati, Ipoh.

Pada majlis itu, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan bantuan Hari Raya Aidilfitri MAIPk daripada dana zakat berjumlah RM10,708,500.00. Bantuan diserahkan melalui penghulu mukim dari 12 daerah mewakili 35,695 orang penerima terdiri daripada asnaf fakir dan miskin di seluruh negeri Perak.

Penerima bantuan hari raya Aidilfitri dipilih daripada senarai asnaf fakir miskin yang telah dipilih dan dicadangkan oleh jawatankuasa kariah masjid dan surau diri Jumaat kampung orang asli di seluruh negeri Perak. Selain itu, semua asnaf penerima bantuan kewangan bulanan, sewa rumah dan hemodialisis oleh MAIPk juga turut menerima bantuan hari raya ini.





PENYERAHAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI ASNAF FAKIR DAN MISKIN MAIPk TAHUN 1444 | 2023

BIL.	DAERAH	PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA (ORANG)
1	DAERAH KINTA	RM 2,862,300.00	9,541
2	DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA	RM 1,377,600.00	4,592
3	DAERAH PERAK TENGAH	RM 1,006,500.00	3,355
4	DAERAH KERIAN	RM 983,700.00	3,279
5	DAERAH HULU PERAK	RM 841,200.00	2,804
6	DAERAH KUALA KANGSAR	RM 829,200.00	2,764
7	DAERAH MANJUNG	RM 733,500.00	2,445
8	DAERAH HILIR PERAK	RM 511,200.00	1,704
9	DAERAH BAGAN DATUK	RM 460,800.00	1,536
10	DAERAH KAMPAR	RM 357,900.00	1,193
11	DAERAH MUALLIM	RM 380,700.00	1,269
12	DAERAH BATANG PADANG	RM 363,900.00	1,213
JUMLAH KESELURUHAN		RM 10,708,500.00	35,695



Penyerahan

ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR

25 Mac 2023



Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Zulkefli Bin Abdullah dengan jumlah RM 1 juta.

UAC Berhad diwakili oleh Pengurus Besar Operasi Kilang UAC Berhad, Zubair Bin Abdullah dengan jumlah RM537,446.72.



Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad diwakili oleh Pengerusi Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad, Shamsudin Bin Yusof dengan jumlah RM277,935.41.

Pertubuhan Peladang Kawasan Seberang Perak diwakili oleh Pengurus Besar, Yuha Binti Ismail dengan jumlah RM184,911.25.



1 April 2023



Bank Islam Malaysia Berhad diwakili oleh Pengurus BIMB, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar dengan jumlah RM520,000.00.



CelcomDigi Berhad diwakili Ketua Hal Ehwal Kerajaan, Haji Roslan bin Rosli dengan jumlah RM419,454.00.



Boustead Plantations Berhad diwakili oleh Pengarah Boustead Plantations Berhad, Izaddeen Daud dengan jumlah RM295,247.00.



Telekom Malaysia Berhad diwakili oleh Pengurus Besar TM, Haji Badrul Hisham bin Bahari dengan jumlah RM309,855.00.



GB13 Group Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Balakumarr bin Karupiah dengan jumlah RM100,000.00.



15 April 2023



P.C.M Sdn Bhd diwakili oleh Dekan Fakulti Perubatan UniKL, Profesor Madya Syed Rahim bin Syed Hamid dengan jumlah RM450,000.00.



Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Haji Mubarak Ali bin Gulam Rasul dengan jumlah RM1,421,512.77.



Puncak Emas Infra Sdn Bhd diwakili oleh Penolong Pengurus Besar Korporat, Tuan Ayob bin Sahar dengan jumlah RM327,068.26.



Ladang Moccis Sdn Bhd diwakili oleh Pengurus Eksekutif, Dato' Ahmad Sobri bin Wan Teh dengan jumlah RM450,000.00.



Belati diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Johawaki, Tuan Haji Mohamad Akmal bin Johari dengan jumlah RM100,000.00.



R&Z Aktiviti Enterprise diwakili oleh Ketua Eksekutif, Tuan Azim bin Radin Mustapha Amiruddin dengan jumlah RM200,000.00.



TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

DI ISTIADAT
MENGHADAP SEMBAH TAAT SETIA
DAN
PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

SEMPENA

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEENAM PULUH ENAM
DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI ALMARHUM
SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

TARIKH: 11 SYAABAN 1444 / 4 MAC 2023 (SABTU)
JAM: 10.30 PAGI

TEMPAT: ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Salam Sejahtera

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبَاءِ وَ

الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آتِيهِ وَصَاحِبِيهِ وَالاتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Maka bagi ALLAH jualah segala pujian. Dan milik Allah jualah kerajaan langit dan bumi; dan hanya kepada Allah jualah tempat kembali (seluruh makhluk). [Al-Quran, An-Nur (24:42)] Dialah Allah Yang Menciptakan sekalian makhluk, Yang Mengadakan (daripada tiada kepada yang ada), Yang Membentuk rupa (makhluk Nya menurut yang dikehendaki Nya), bagi Nya nama-nama yang paling baik dan mulia, segala yang ada di langit dan di bumi bertasbih kepada Nya dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. [Al-Quran, Al-Mulk (59:24)] Maka, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhan Mu Yang Maha Besar. [Al-Quran, Al-Waqiah (56:74)]

YA MALIK, YA AZIZ, YA KHALIQ, YA RAFI',

2. Dengan kebesaran Asmaul Husna, sifat-sifat mulia Mu, hamba-Mu melafazkan kalimah syukur atas anugerah rahmat Mu, memungkinkan hamba-Mu menyambut ulang tahun hari keputeraan kali ke-66. Dengan ihsan Mu jua, hamba-Mu dianugerahkan keafiatan, dikurniakan darjat - dikurniakan daulat, bersemayam di takhta pemerintahan. Dengan rahmat Mu, negeri Perak Darul Ridzuan berada dalam keadaan sentosa lagi sejahtera. Dipohonkan daripada Mu, Ya ALLAH akan hidayah, membolehkan hamba-Mu yang serba daif ini, menyempurnakan sebaik mungkin tanggungjawab yang diamanahkan sebagai seorang Amirulmukminin. Dipohonkan daripada Mu jua, Ya ALLAH, agar hamba-Mu diperlengkap dengan para wazir, pembesar, ulama dan umara yang bersifat amanah lagi beriman, jujur lagi ikhlas, berilmu lagi berpengetahuan, berani menyembahkan seelok nasihat - secantik pandangan, agar hamba-Mu berupaya melaksanakan pemerintahan secara adil - secara saksama, berteraskan hukum - bersendikan adat. Lindungilah hamba-Mu ini Ya ALLAH, daripada terseret bersubhat, dengan sebarang muslihat, khilaf dan salah laku para wazir, para pembesar, para ulama dan para umara.

3. Beta hargai lafadz taat setia yang dizahirkan oleh Raja Muda, demikian juga ikrar taat setia yang dipersembahkan oleh Menteri Besar. Istiadat sambutan ulang tahun hari keputeraan Raja Pemerintah, telah diwarisi sejak zaman berzaman. Istiadat yang dilangsungkan ini, melambangkan citra mendaulatkan institusi raja, satu perlanjutan adat - satu kesinambungan budaya, kekal dihidupkan dalam era modenisasi; betapa keindahan adat - betapa kekayaan budaya, kukuh teranyam dalam tradisi negara bangsa, sekali gus mengekalkan identiti pemerintahan, negeri beraja - rakyat bersultan. Adat bernegara, dan budaya berkerajaan berpayungkan Raja, adalah sebahagian daripada adat - sebahagian daripada budaya bernegara dan berkerajaan, yang telah sekian lama berakar di bumi ini, diwarisi, dan kekal diterima oleh warga daripada pelbagai kaum - pelbagai agama.

4. Pilihan Raya Umum ke-15, telah berlangsung pada 19 November 2022, dalam suasana tertib dan aman serta diuruskan dengan baik. Keputusan Pilihan Raya Umum ke-15, sama ada di peringkat Persekutuan begitu juga di peringkat negeri Perak Darul Ridzuan sekali lagi mengejutkan ramai peramal politik. Tidak ada kabilah politik memiliki majoriti mudah untuk menubuhkan kerajaan secara bersendirii. Negara untuk seketika menghadapi keadaan ketidaktentuan. Perbincangan dan rundingan diadakan dalam kalanjan calon yang telah dipilih oleh rakyat, mencari formula penyelesaian, untuk meyakinkan Raja Pemerintah, bahawa seorang ahli Dewan Rakyat pada pendapat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan tersebut; sementara di peringkat negeri, seorang ahli Dewan Negeri yang pada timbalan Paduka Seri Sultan boleh mendapat kepercayaan sebahagian besar ahli-ahli Dewan Negeri.

¹ Al-Quran, An-Nur (24:42)

² Al-Quran, Al-Mulk (59:24)

³ Al-Quran, Al-Waqiah (56:74)

5. Suasana negara ditenangkan sebaik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berpandukan Perlembagaan Persekutuan, memperkenankan Perdana Menteri Malaysia Kesepuluh, mengangkat sumpah jawatan, pada petang Khamis 24 November 2023. Beta telah memperkenankan Ahli Dewan Negeri Kota Tampan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar pada petang Isnin 21 November 2022, disusuli dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan pada pagi Selasa 22 November 2022.

6. Sesungguhnya pemimpin politik dan rakyat negara ini, sekali lagi membuktikan kepada dunia, bahawa amalan demokrasi di Malaysia semakin matang. Lima belas perpuluhan tiga juta (15,341,705) pemilih, mencecah hampir 73 peratus pemilih telah turun mengundi. Peratus tinggi yang turun mengundi, membuktikan rakyat meletakkan kepercayaan kepada amalan demokrasi dan pilihan raya yang ditadbir urus seadil mungkin. Semoga pohon demokrasi akan terus berakar kukuh – berdahan rendang – merimbun subur. Semoga budaya politik semak dan imbang berjaya diper teguhkan agar rakyat mempunyai opsyen semasa berlangsungnya pilihan raya, sama ada, muh terus mengekal atau menukar sesebuah kerajaan, berdasarkan prestasi.

7. Demi menjamin rakyat dapat hidup dalam suasana rukun lagi harmoni, dalam hasrat membina sebuah negara yang stabil lagi aman, dalam usaha membangunkan sebuah negara yang makmur lagi sejahtera, para pemimpin perlu membaca mesej rakyat secara tepat. Setelah 65 tahun mencapai kemerdekaan, dan setelah 15 kali pilihan raya umum diadakan, rakyat kini menuntut kepada menu baharu dan resipi baharu, dalam persekitaran politik yang baharu. Rakyat yang semakin celik huruf, mengutamakan faktor-faktor integriti, amanah dan ketelusan. Rakyat mahukan pemimpin yang menunjukkan sikap lebih sedia mendengar daripada sikap hanya muh didengari. Rakyat semakin lantang mendedahkan isu rasuah, dan semakin gigih menolak pemimpin yang berimej rasuah, pemimpin yang menggunakan jawatan untuk kepentingan diri, atau pemimpin yang mengumpul kekayaan untuk ahli keluarga, atau pemimpin yang menjadi instrumen kepada ahli perniagaan.

8. Rakyat sudah terlalu lemas dan berasa amat jijik melihat perlakuan rasuah. Rasuah ialah barah yang menjadi punca kepada berlakunya keruntuhan moral, penindasan, kezaliman, pencemaran, bencana alam, pengangguran dan kemiskinan. Forum Ekonomi Dunia tahun 2019, menamakan rasuah sebagai cabaran paling besar yang anak muda hadapi. Generasi muda merupakan mangsa yang telah digelapkan masa hadapan mereka kerana perbuatan pemimpin yang rasuah. Rakyat mengharapkan akan muncul suria yang melimpah sinar baharu. Amalan-amalan perolehan yang mencetuskan banyak tanda tanya, dan skandal-skandal kewangan yang dilapor berlaku, telah mencontengkan arang di wajah negara; keibaannya ditanggung dengan harga yang mahal oleh setiap warga yang berurusan dengan negara luar. Baca, tafsir, fahami dan hadam suara rakyat yang disampaikan melalui kertas undi. Jangan diulangi kesilapan mereka yang terdahulu, jangan sama sekali dihampaskan harapan rakyat dengan mengulangi kesilapan yang sama, apatah lagi jika melakukannya secara lebih buruk.

9. Rakyat mengimpikan sebuah kerajaan yang secara berani dan tegas menunjukkan kesungguhan memerangi rasuah. Rakyat mengimpikan pengagihan kekayaan yang lebih saksama, peluang pekerjaan yang lebih terjamin, taraf hidup yang lebih baik, tadbir urus yang lebih telus, dan pemimpin yang lebih amanah. Rakyat mengimpikan pemerintahan yang adil lagi saksama, pemerintahan yang berlandaskan undang-undang yang dikuatkuasakan tidak secara selektif, melalui badan kehakiman yang berintegriti, dikendalikan oleh barisan hakim yang tidak memihak – tidak gentar, serta bebas daripada campur tangan politik. Rakyat mengimpikan pemerintahan yang bersifat keterangkuman atau inklusif.. Rakyat mengimpikan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang penting seperti kemudahan pendidikan yang dapat membangunkan potensi insan, kemudahan kesihatan yang mudah diakses, kemudahan pengangkutan awam yang meringankan perbelanjaan, serta program perumahan mampu milik yang dilengkapi dengan kemudahan rekreasi dan sosial; dan rakyat mengimpikan sebuah negara yang bebas daripada kekacauan dan persengketaan, agar warganya hidup dalam harmoni – saling menghormati – saling bekerjasama, tanpa dipisahkan oleh tembok prejudis agama dan prasangka kaum. Kerajaan yang menjadi pilihan rakyat dan kerajaan yang akan terus mendapat sokongan rakyat ialah kerajaan yang dapat memenuhi impian majoriti rakyat. Pemimpin hendaklah bijak membaca mesej rakyat dan secara bijaksana mentadbir urus negara secara berhikmah dengan daya tadbir yang bijak, dilaksanakan melalui mekanisme yang berkesan, cekap lagi telus; mekanisme tadbir urus yang tidak menyelweng serta jauh daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa.

10. Dinamik yang sedang berlaku, menuntut kepada budaya ketelusan dan keterbukaan. Oleh itu, teramat penting untuk takhta juga berupaya mentafsir dinamik yang sedang berlaku dengan hikmah dan kebijaksanaan, selanjutnya melakarkan ruang peranan dan menetapkan paksi baharu, yang lebih bertepatan dalam era yang sudah berubah. Tadbir urus yang pincang akan merosakkan negara dan akhirnya turut melemahkan takhta. Justeru, menjadi tanggungjawab takhta, memerhati, mengawasi dan memiliki kekuatan untuk menzahirkan teguran dan nasihat secara berterus terang kepada para pemimpin agar mentadbir urus negara secara amanah, telus, ikhlas dan jujur; memastikan kestabilan kerajaan, memakmurkan kekayaan negara, dan menjamin kesejahteraan warga. Tanpa warga tidak akan terbina sebuah negara, tanpa negara tidak akan ada keadaulatan takhta.

11. Takhta juga perlu menghargai harapan tinggi rakyat yang memohon agar takhta berperanan sebagai penimbang tara, secara adil – secara saksama, tidak memihak dan kekal mencuar tinggi di atas segala polemik politik kepartian. Takhta perlu bertenaga, memenuhi peranan sebagai payung penyatu, memenuhi harapan rakyat, sebagai pemangkin, mengharmonikan hubungan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa. Peranan takhta sebagai payung penyatu dalam kepelbagaiannya perlu difahami, dilaksanakan dan kelihatan dilaksanakan. Takhta juga wajib memperlihatkan sebaik contoh dalam memenuhi amanah ILAHI, dan dalam memenuhi harapan rakyat, agar kemuliaan takhta tidak tercemar, dan kedaulatan Raja tidak dipersenda.

12. Keberkesanannya sesebuah pemerintahan memerlukan tanggungjawab yang dilaksanakan secara bersama dalam semangat berat sama dipukul – gunung sama didaki – laut sama diselami. Sembahkan nasihat yang benar secara ikhlas, jujur lagi bertanggungjawab kepada Raja Pemerintah. Raja Pemerintah jangan dikhayalkan dengan cerita-cerita penghibur telinga hingga Raja berada dalam alam tersendiri, jauh daripada realiti keadaan kesusaahan hidup yang dialami rakyat. Raja Pemerintah wajib memahami denyut jantung dan denyut nadi rakyat jelata, satu tanggungjawab yang berat. Tanggungjawab berat ini, insya-Allah dapat diringankan dengan adanya semangat nasihat menasihati, bantu-membantu dan saling memelihara nama baik dan kemuliaan takhta, melalui peranan bersama Raja Muda, Raja Di Hilir, kesemua Raja Bergelar, Waris Negeri, Kerabat Diraja, ahli Dewan Negara dan Orang Besar negeri.

13. Begitu juga seruan Beta kepada Menteri Besar berserta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, agar kepercayaan Beta, dan amanah rakyat tidak dikecewakan. Rakyat jangan terus dibiarkan menampi nyiru harapan, sedangkan janji tidak berisi. Harapan rakyat yang mahukan pemerintahan yang adil lagi saksama berlandaskan undang-undang, hendaklah direalisasikan secara bersama oleh ahli-ahli Dewan Negeri, para hakim, para ulama, para umara, Angkatan Tentera, Polis Diraja Malaysia, badan-badan beruniform, yang masing-masing turut diberikan amanah untuk membantu, supaya negeri ini terus dibangunkan dalam suasana aman dan warga berada dalam sejahtera. Demikian juga seruan Beta kepada pihak swasta, badan-badan sukarela, badan-badan kebaikan, pertubuhan-pertubuhan belia, badan-badan sukan serta rakyat keseluruhannya, agar saling bekerjasama memperlengkapkan usaha-usaha pembangunan yang dirintis oleh Kerajaan Beta.

14. YA WAHHAB, YA ALIM, YA AZIM, YA JALIL, hamba-Mu ini, memohon ihsan dari Mu, agar dikurniakan hikmah, dianugerahkan taufik – dilimpahkan hidayah, untuk mengupayakan hamba-Mu ini melaksanakan pemerintahan secara adil lagi saksama, memiliki ketegasan menegakkan yang makruf – memiliki keberanian mencegah yang mungkar. Semoga negeri dan rakyat Perak Darul Ridzuan senantiasa mendapat lindungan daripada Mu ju, dan dilimpahi segala keberkatan fid-dunia wal akhirat.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



MAJLIS PERASMIAN PROJEK TANAMAN PERTANIAN HIDROPONIK KOMUNITI MASJID AL-IKHWAN, MANJUNG

MANJUNG, 17 Mac 2023 – Majlis Perasmian Projek Tanaman Pertanian Tanaman Hidroponik Komuniti Masjid Al-Ikhwan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Tan Sri Mohd Annuar bin Zaini. YABhg. Tan Sri Mohd Annuar turut menuai tanaman hidroponik tuaian pertama pada majlis tersebut. Syarikat Lumut Port merupakan penaja dan membekalkan 400 pasu untuk tanaman hidroponik Masjid Al Ikhwan. Projek tanaman hidroponik ini bertujuan menyemai kesedaran masyarakat agar melibatkan diri dalam tanaman hidroponik yang cepat menghasilkan tanaman sayur-sayuran serta persediaan bagi menjamin keselamatan makanan pada masa hadapan.

Turut hadir, Orang Besar Jajahan Manjung, YDH Toh Sri Bijaya Lt. Kol (B) Dato' Shahrudin bin Hj Nazari, Ketua Pegawai Eksekutif Lumut Port, Dato' Haji Mubarak Ali bin Gulam Rasul, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahru Azam bin Shaari dan Pengerusi Masjid Al Ikhwan, Tuan Haji Wan Abd Ghafar.





Majlis Penyerahan BUKU BELAJAR ASAS MEMBACA AL-QURAN KAEDAH MUALLIM, MARI BELAJAR JAWI KSSR DAN FAHAM BACAAN DALAM SOLATMU



IPOH, 16 Februari 2023 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Buku Belajar Asas Membaca al-Quran Kaedah Muallim, Mari Belajar Jawi KSSR dan Fahami Bacaan Dalam Solatmu di Hotel Casuarina @Meru. Majlis disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Mohd Annur bin Zaini. Buku-buku ini diwakafkan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Isahak bin Haron menjadi rujukan bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya untuk belajar membaca al-Quran, jawi selain untuk memahami makna bacaan dalam ibadah solat.

Buku-buku diwakafkan kepada MAIPK untuk diagih dan digunakan oleh para pelajar sebagai satu kaedah alternatif bagi mengajar murid lemah dalam membaca dan menulis (2M) jawi serta asas membaca al-Quran. Sesuai kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar memahami makna bacaan dalam solat. Selain itu, ia juga menjadi rujukan pembelajaran pendidikan Islam kepada masyarakat tidak mengira golongan muda atau dewasa, termasuk golongan mualaf.

Amalan berwakaf sangat dituntut dalam Islam. Selagi mana wakaf itu dimanfaatkan pasti pahala tersebut akan berterusan mengalir kepada pewakafnya. Semoga umat Islam berlumba-lumba menjadikan amalan berwakaf sebagai salah satu cara memperbanyakkan amal soleh bagi meraih ganjaran pahala sedekah jariah. Semoga masyarakat Islam mahir membaca al-Quran dan memahami makna bacaan dalam solat serta akan lebih khusuk dan menghayati amalan wajib solat dan menjadikannya sebatи dalam kehidupan sebagai seorang muslim.



PROGRAM KUNJUNGAN HORMAT
KETUA PENGARAH JAWHAR
DAN MAJLIS SERAHAH RUMAH
PROGRAM MYHAUS MAIPk-JAWHAR-TNB



IPOH, 19 Januari 2023 – MAIPk menerima kunjungan hormat dari Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) diketuai oleh Ketua Pengarahannya, Datuk Selamat Paigo di Kompleks Islam Darul Ridzuan. Rombongan disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahruh Azam bin Shaari.

Seterusnya satu Majlis serahan rumah program MyHAUS MAIPk- JAWHAR-Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah diadakan di Kg. Jana Baharu, Kamunting, Taiping. Majlis serahan simbolik kunci rumah disampaikan oleh Tuan Shahruh Azam bin Shaari kepada penerima Abdul Rais bin Mohamed Jalaludin. Seramai tiga orang penerima daripada kalangan asnaf fakir dan miskin menerima bantuan baik pulih rumah di bawah program MyHAUS melalui sumbangan dana TNB dengan kerjasama JAWHAR berjumlah RM105,000.00.



Turut hadir, Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama, YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razalli, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Omar, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Encik Zulfadli bin Baharom, Pegawai Hal Ehwal Korporat TNB Ibu Pejabat, Puan Zurina binti Mohd Noor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Baitulmal, JAWHAR, Puan Nur Shakinah binti Mohd Yusop, dan Ketua Bahagian Peruncitan TNB negeri Perak, IR Ts. Mohd Rohaizan bin Shamsudin.

Pihak MAIPk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi terlibat. Semoga ukhuwah terbina akan berkekalan serta dapat bekerjasama dalam program-program lain pada masa akan datang.





ZIARAH ASNAF

MAIPK

Program ziarah asraf merupakan aktiviti berkala dijalankan bagi meninjau keadaan para asraf yang telah menerima bantuan zakat. Program ini merupakan tanda keprihatinan MAIPk memastikan nasib para asraf terbaik. Ia diadakan di setiap daerah yang dipilih.

DAERAH LENGGONG | 28 FEBRUARI 2023

Program ziarah asraf daerah Lenggong disertai Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato Meor Roslan bin Dato Seri Meor Ahmad Rashidi, Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Ustaz Mohd Arifullah bin Mashudi, YB ADUN Kenering, Ustaz Husairi bin Ariffin, Penghulu Kanan Mukim Lenggong, Encik Jazuli bin Ibrahim, Penghulu Mukim Lenggong, Encik Abdul Aziz bin Ahmad, Penghulu Mukim Durian Pipit, Encik Mohd Adzahar bin Mohd Yunus dan Penghulu Mukim Temelong, Encik Mohd Hafizi bin Hanin. Pihak MAIPk telah menziarahi empat buah rumah asraf di Kg. Air Ibol Sumpitan, Kg. Batu Dinding, RPA Taman Kota Tampan dan rumah asraf di Kampung Chepor.



DAERAH SELAMA | 16 MAC 2023

Sebanyak enam buah rumah asraf di daerah Selama telah diziarahi. Aktiviti ziarah asraf dikenai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari. Turut bersama menyertai ziarah asraf ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Omar dan Pegawai Baitulmal Daerah Selama, Cik Nur Fatin binti Nor Affandy.



DAERAH IPOH | 18 APRIL 2023

Program ziarah asnaf daerah Ipoh disertai Anggota MAIPk, YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Haji Omar dan Pegawai Baitulmal Daerah Ipoh, Puan Zaleha binti Wan Din. Ziarah asnaf MAIPk telah menyantuni lima rumah asnaf serta Pusat Harian Kanak-Kanak Spastik di sekitar Ipoh di Jalan Kuala Kangsar, Lahat dan Jalan Bendahara.





200 PELAJAR ASNAF MAIPK

SERTAI PROGRAM MOTIVASI DAN BENGKEL TEKNIK MENJAWAB PEPERIKSAAN SPM



IPOH, 21 Januari 2023 - MAIPk telah menganjurkan Program motivasi dan bengkel teknik menjawab peperiksaan SPM tahun 2022 dihadiri seramai 200 orang pelajar tingkatan 5. Para pelajar terdiri daripada penerima bantuan biasiswa dan bantuan persekolahan MAIPk yang bakal menduduki SPM pada 20 Februari 2023 hingga 13 Mac 2023. Majlis disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari.

Objektif program antaranya ialah membangkitkan semangat pelajar dari segi rohani dan jasmani selain meningkatkan motivasi pelajar serta mengekalkan kecemerlangan dan prestasi mereka. Program juga bertujuan menanam tekad pelajar mengubah nasib kehidupan masa depan keluarga. Selain itu, peserta turut diberikan pendedahan kaedah kiraan merit yang menentukan kemasukan ke universiti berdasarkan minat dan keputusan pelajar.

Program motivasi telah dikendalikan oleh dua orang motivator berpengalaman, iaitu Pendakwah Bebas Ustaz Mohamed Hanafiah Abdul Malek dan Guru Kaunselor Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Damai, Puan Siti Norhafiza Zanaia Bidin. Manakala bengkel teknik menjawab peperiksaan SPM dikendalikan oleh dua orang guru pakar dalam bidang masing-masing iaitu guru pakar Matematik, Encik Noorhazainol bin Derahim dan guru pakar Sejarah, Encik Sivanandam a/l Subramaniam.

Jumlah keseluruhan pelajar menerima bantuan biasiswa MAIPk tahun 2022 ialah seramai 403 orang dengan kos berjumlah RM403,000.00 setahun. Pihak MAIPk mengucapkan terima kasih atas sokongan pembayar zakat kerana anda lebih banyak pelajar asnaf dapat dibantu melalui Skim Pendidikan MAIPk. Semoga para pelajar asnaf MAIPk yang bakal menduduki peperiksaan SPM tahun ini memperoleh keputusan yang cemerlang.



دانغان ملدو فرقا

کمیس اسناف فرقا



51 ASNAF SERTAI SEMINAR MOTIVASI DAN HALA TUJU USAHAWAN MAIPk

IPOH, 27 Februari 2023 – Seramai 51 peserta asnaf MAIPk menyertai seminar motivasi dan hala tuju usahawan MAIPk berlangsung selama dua hari di Hotel M Roof, Ipoh. Seminar ini bertujuan memberikan motivasi dan sokongan moral kepada usahawan MAIPk, mencari platform alternatif usahawan MAIPk mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih tinggi serta mewujudkan rangkaian perniagaan dalam komuniti usahawan MAIPk di seluruh negeri Perak.

Pada seminar ini MAIPk menjemput YBhg. Dato' Ustaz Mohammad Kazim bin Elias sebagai penceramah untuk meningkatkan motivasi para peserta. Bank Islam dan Perkeso turut serta berkongsi ilmu mengenai pembiayaan serta perlindungan perniagaan untuk manfaat usahawan. Selain itu, dua orang Ikon Asnaf MAIPk, Puan Norlelawati binti Haji Bahari, Pengasas Roti Cik Gebu dan Puan Norzalikha binti Kamarolzaman, Pengasas KZN Bites turut bersama menjayakan seminar ini dengan memberi kata-kata semangat.

Seminar ini juga dihadiri oleh AF Ustaz Muhamad Faiz bin Zakaria, Pengurus Bahagian Pemasaran MAIPk yang berkongsi ilmu tentang zakat khususnya zakat perniagaan. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Haji Omar.





BANTUAN-BANTUAN MAIPk

Dalam menggalas amanah zakat, MAIPk telah mengagihkan bayaran zakat secara sistematis dan berintegriti. MAIPk sentiasa berusaha mengagihkan wang zakat secara efisien dan efektif supaya hak para asnaf terjamin dan terbela. Pelbagai skim agihan telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan utama golongan fakir dan miskin.







KERATAN AKHBAR MAIPK

32

UTUSAN MALAYSIA
KHAMSIS 9 FEBRUARI 2023

Dalam Negeri

MAIPk beri bantuan segera lelaki buta

TELUK INTAN: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Persekutuan (MAIPk) memberi bantuan segera pada seorang lelaki buta yang memerlukan bantuan sara hidup seperti disarikan akibar ini kematian.

Menurut Bahagian Perhubungan Korporat MAIPk, MAIPk Daseah Teluk Intan prihatin de-

rgan masalah dihadapi Rosli Jumri, 50, yang masih bujang dan tinggal bersama anak di rumahnya di Fazit 12, Teluk Intan 4, Cherdenong Balai dekat sini.

Menurutnya, susulan laporan ke rumah lelaki itu, MAIPk menghulurkan bantuan kecemasan RM300 untuk meninggalkan bahan ditugossing Rosli.

"Kita juga mencadangkan bantuan kecemasan bulanan di bawah peraturan kakitangan kerajaan kepada Rosli," katanya dalam kenyataan legal.

Menurutnya, susulan laporan akbar ini mengenai Rosli yang mengalami kehidupan tanpa dapat melihat akibat buta, MAIPk mengambil pendekata-

menyuntuni dan mendidihkan masyarakat di seluruh negara.

"Selain itu, ia juga membantu Rosli yang memerlukan bantuan pelbagai pekerjaan kampung setinggalan dia hilang penglibatan sejak 2018.

Keinacan, akibar ini meny-

arkan laporan mengenai kehidupan Rosli yang memerlukan bantuan sara hidup.

Di berharap ada pihak yang mempertimbang bantuan bula-

ran.

Sumbangan boleh disalurkan menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 0823 8411 0000 8327 atas nama Rosli Jumei.

6 Negara!

Empat syarikat korporat tunai zakat perniagaan RM2 juta



Kosmo 27 MAC 2023

lokal

Perak tetapkan harga zakat fitrah RM7, RM14 dan RM21

Ipsos

Menyuarat

Jawat

Per

fitrah

Per

ber

BERITA SANA SINI

BERITA
SANA SINILAWATAN KERJA MAIPK KE LAMAN CENDAWAN
MAWP PADA 7 FEBRUARI 2023BERITA
SANA SINIMAJLIS AMANAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK
PADA 8 FEBRUARI 2023BERITA
SANA SINILAWATAN KERJA MAIPK KE LEMBAGA ZAKAT
NEGERI KEDAH (LZNK) PADA 16 FEBRUARI 2023BERITA
SANA SINITAKLIMAT KADEAH PELANTIKAN JAWATANKUSA KARIAH
KEPADА ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH DAN PEGAWAI
DAERAH NEGERI PERAK PADA 16 FEBRUARI 2023BERITA
SANA SINIBOOTH USAHAWAN ASNAF ZAKAT MAIPK SEMPENA MAJLIS
TILAWAH & HAFAZAN AL-QURAN PADA 28 FEBRUARI 2023BERITA
SANA SINIPERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
KALI KE-224 PADA 2 MAC 2023BERITA
SANA SINIKUNJUNGAN HORMAT AGENSI BERNAMA KE MAIPK
PADA 17 MAC 2023BERITA
SANA SINIKUNJUNGAN HORMAT MAIPK KE INSTITUT JANTUNG NEGARA,
KUALA LUMPUR PADA 21 MAC 2023



Agihan Zakat Tahun 2022

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

TERIMA KASIH PEMBAYAR ZAKAT, ZAKAT ANDA KAMI SEMPURNAKAN.

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

RM90.31 juta

Penerima: 63,539 orang

- Bantuan Hari Raya
- Bantuan Kewangan Bulanan
- Bantuan Sewa Rumah
- Bantuan Bina & Baik Pulih Rumah
- Bantuan Perubatan
- Bantuan Hemodialisis
- Program Bank Makanan
- Bantuan Kecemasan / Segera
- Bantuan Tambang Perjalanan Domestik
- Bantuan Bencana
- Bantuan Pengurusan Jenazah
- Bantuan Penyelesaian Hutang
- Bantuan Kebajikan Anak Yatim

PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

RM103,000



PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN

RM5.98 juta

- Sumbangan kepada Persatuan Anak Perak Luar Negara
- Elaun Guru Al-Quran dan Pembantu Tadika Islam
- Insentif Mualigh & Guru Kelas Mualaf
- Sumbangan Pasukan Keselamatan
- Pembangunan Modal Insan
- Program Peningkatan Akademik Pelajar Luar Negara
- Program Pemurnian Aqidah & Akhlak



PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

RM20.54 juta

Penerima: 16,823 Orang

- Bantuan Persekolahan & Am Pelajaran (Persediaan IPT)
- Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal
- Skim Latihan Kemahiran Asnaf
- Bantuan Dermasiswa (Dalam Negara)
- Bantuan Dermasiswa (Luar Negara)
- Bantuan Sewa Bangunan / Kelas Saudara Kita
- Bantuan Perkapita Sekolah Agama Rakyat/ Sekolah Latihan Wanita
- Bantuan Tambang Perjalanan Pergi & Balik Belajar Luar Negara

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI

RM2.44 juta

Penerima: 728 orang

- Bantuan Modal
- Latihan dan Kursus
- Pembangunan Usahawan

PROGRAM KOLABORASI

RM4.68 juta

Penerima: 881

- Waran Peruntukan JAIPk
- Penyelenggaraan Kenderaan Mubaligh
- Bantuan Penyelesaian Hutang Institusi Pengajian Tinggi
- Sumbangan Kepada Organisasi Islam
- Penyelenggaraan Rumah Anak Yatim

SALURAN PEMBAYARAN ONLINE



FPX melalui:
<https://ezakat.maiamp.gov.my>



SenangPay
<https://senangzakat.my/maipk.html>



SALURAN PEMBAYARAN KAUNTER

1. 19 Kaunter pejabat MAIPk seluruh Negeri Perak
2. Amil Harta
3. Amil Profesional
4. Perunding Zakat
5. Amil Firma Akaun / Audit Bertauliah
6. Kaunter Pos Malaysia

POTONGAN SECARA BULANAN (AUTO-DEBIT)

InfaqPay infaqpay.my/go/zakatmaipk



WWW.MAIAMP.GOV.MY



05-2084000



FACEBOOK - ZakatPerak-MAIPk